

Selangor siasat kes korek pasir laut

Shah Alam: Kerajaan Selangor akan menyiasat sama ada kegiatan mengorek pasir di luar muara Sungai Langat adalah sah atau sebaliknya.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata pihaknya memandang serius isu itu, terutama dakwaan pendapatan golongan nelayan merosot akibat kegiatan berkenaan.

“Kita minta ia disiasat... saya baru dapat laporan mengenai isu ini. Kerajaan negeri tidak keluarkan lesen (mengorek pasir) untuk laut, yang dibenarkan hanya di sungai.

“Kita kena siasat sama ada aktiviti yang dimaksudkan ini adalah aktiviti haram atau mempunyai lesen,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Wanita Cabang PKR Peringkat Selangor 2019 di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tem-

patan yang juga Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin; Ketua Wanita PKR, Haniza Mohamed Talha dan Ketua Wanita Selangor, Dr Daroyah Alwi.

Laporan *BH* kelmarin mendedahkan pendapatan kira-kira 250 nelayan Pangkalan Kelangang, Kuala Langat merosot se-

hingga 70 peratus, berikutan kegiatan mengorek pasir di luar muara Sungai Langat sejak empat tahun lalu.

Jika sebelum ini masing-masing mampu memperoleh antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan, kini perolehan mere-

ka merosot hingga di bawah RM1,000 sebulan.

Laporan itu turut mendedahkan kegiatan mengorek pasir, penambakan pesisir pantai serta pencerobohan nelayan asing antara punca utama menjaskan hasil laut nelayan negara ini.

Berikut itu, Pakar Alam Sekitar, Dr Mohd Yusoff Ishak, kerajaan negeri diminta bertanggungjawab terhadap implikasi yang ditanggung nelayan serta kemusnahan alam sekitar berikutan kegiatan mengorek pasir, penambakan pantai yang berleluasa sejak kebelakangan ini.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia berkata, kerajaan negeri dan pemilik permit korek pasir memperoleh keuntungan besar tetapi nelayan dan penduduk sekitar menanggung kerugian pendapatan serta kehilangan mata pencarian.



Keratan akhbar *BH*, kelmarin